

Titah: Kerabat jangan terlibat di Kajang
MalaysiaKini.com
Feb 18, 2014

Sultan Selangor menitahkan supaya kerabat diraja negeri tidak terlibat atau membiarkannya kedudukan mereka digunakan untuk kepentingan politik dalam pilihan raya kecil Kajang.

"Baginda juga berharap semua parti dan ahli-ahli politik tidak mengaitkan istana dengan kempen pilihan raya kecil DUN Kajang ini," kata setiausaha sulit baginda.

Datuk Muhamad Munir Bani juga menjelaskan, titah itu dikeluarkan ekoran terdapat laporan akhbar memaparkan gambar kerabat bersama ahli politik, dengan komen menunjukkan penglibatan dalam kempen.

Kenyataan itu tidak menyebut secara langsung kerabat terbabit.

Bagaimanapun, Suara Keadilan keluaran 11 Februari lepas memuatkan gambar Anwar bersama seorang kerabat istana Selangor di muka depan akhbar PKR itu.

Titah itu dikeluarkan bagi mengelak persepsi rakyat mengenai penglibatan istana dalam arena politik yang tidak harus berlaku dan perlu dielakkan.

Menurut Munir dalam kenyataannya lagi, istana akan kekal sebagai institusi bebas seperti tertakluk bawah undang-undang tubuh negeri.

Copyright © 1999-2014 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
Source: <http://www.malaysiakini.com/news/254722>